

## Cerpen

### *Perempuan yang Jatuh dari Langit*

S.M. Zakir

Sudah lebih 20 tahun dia tidak menemui Mat. Mereka sama-sama bersekolah di Kajang, sebuah bandar kecil yang terkenal dengan satenya. Tetapi dia dan Mat bukan satu sekolah, dia di sekolah lain dan Mat di sekolah lain. Tetapi mereka pastinya akan bertemu sewaktu pulang dari sekolah di stesen bas. Ada dua saja bas di Kajang pada masa itu, satu bas Foh Hup dan satu bas Sum Omnibus. Bas Foh Hup mengambil laluan arah ke Cheras dan sekitarnya, sementara bas Sum mengambil laluan arah ke selatan melalui Jalan Reko sehingga ke tanah rancangan di hulu daerah. Dahulu Kajang tidak seperti sekarang. Bandar ini seperti sebuah bandar koboi yang membesar dari deretan rumah kedai. Ada padang JKR yang luas dan ada sungai yang mengalir memisahkan padang JKR dengan kawasan hutan arah ke Padang Sasar tempat latihan menembak. Kini padang JKR telah diganti dengan pasaraya besar dan sungai sudah hilang bertukar menjadi parit berturap. Dahulu bangunan tertinggi hanyalah Bangunan Datuk Nazir yang terletak di sebelah Stadium Kajang. Sekarang Bangunan Datuk Nazir telah diambilalih oleh Sate Haji Samuri yang terkenal di seluruh Malaysia itu. Bagaimana perniagaan sate yang bermula pada zaman sebelum merdeka dengan mengandar bakul masuk ke kampung-kampung kini berkembang menjadi perniagaan bernilai puluhan juta ringgit adalah sejarah yang menakjubkan.

Dia dan Mat bukan sejarah yang menakjubkan. Mereka berkawan di stesen bas dengan rutin pertemuan setiap hari dan akhirnya menjadi akrab. Dia dan kawan-kawan setempat akan mengambil bas Sum arah ke Bandar Baru Bangi, sementara Mat boleh menaiki apa saja bas Sum yang bergerak ke selatan kerana rumah Mat hanya terletak di Jalan Reko, laluan semua bas arah ke selatan sebelum berpecah ke destinasi masing-masing. Maka Mat akan menaiki bas sama dengannya. Mereka benar-benar berkawan rapat. Menempuh zaman remaja yang penuh kenakalan dan dibara semangat untuk mencuba apa sahaja. Mereka masih akrab sehingga beberapa waktu selepas alam persekolahan. Tetapi hala tuju yang berbeza semakin lama semakin menjauhkan mereka. Lama-kelamaan mereka masing-masing sibuk dan tenggelam dengan hala tuju masing-masing. Perkahwinan makin menjarakkan mereka, yang disibukkan pula dengan tumpuan membina keluarga, membesarkan anak-anak dan mencari wang. Hidup semakin sibuk dan wang yang dikejar untuk keperluan hidup tambah menjarakkan masa mereka untuk mengekalkan keakraban. Akhirnya masing-masing hilang dalam dunia mereka yang tersendiri. Setelah 20 tahun entah atas nama kebetulan atau nama apa pun, dia pergi untuk bertemu dengan Mat. Setelah 20 tahun.

Dia tahu tentang perkembangan Mat dan Mat juga tahu tentang perkembangannya. Bahkan masing-masing juga tahu di mana masing-masing tinggal. Tetapi atas nama keajaiban apa, mereka tidak pernah berusaha untuk bertemu. Kesibukan. Ya itulah antara sebab yang mereka masing-masing boleh katakan. Kesibukan membuatkan masa seperti terhenti. Dan apabila ia bergerak semula, mereka tersedar bahawa sudah 20 tahun mereka tidak bertemu. Dia menelefon Mat daripada nombor yang diminta daripada kawan yang mengenali Mat. Mat menjawab seperti mereka hanya baharu semalam telah berbual. Sedang sudah 20 tahun mereka tidak pernah berhubung. Suara masing-masing masih sama, dengan itu masing-masing segera mengenali dan tidak merasakan sudah tidak bercakap selama 20 tahun. Dia tahu daripada kawan, bahawa Mat telah membuka chalet di kampungnya berhampiran kuala itu di samping membuka

restoran. Mat mengesahkan. Dia pernah pergi sekali ke kampung Mat di daerah Setiawan itu. Dengan menaiki bot nelayan Mat, dia boleh sampai ke Lumut melalui pangkalan TLDM dan boleh terus ke Pulau Pangkor. Dia memberitahu Mat hendak datang, dan Mat dengan penuh gembira mengajaknya. Mudah. 20 tahun tidak bertemu. Dan ia seperti baharu sehari tidak berjumpa. Masa adalah sesuatu yang aneh. Ia seperti boleh ditarik dan dirapatkan.

Hari ini dia memandu menuju ke kampung Mat. Dia mengambil laluan lebuh raya Plus arah ke utara. Untuk ke kampung Mat, dia memasuki Plaza Tol Bidor lalu terus menghala ke Setiawan. Ketika hampir memasuki pekan Setiawan, hujan turun dengan lebatnya. Dia yang tidak begitu biasa dengan jalan di sini memandu dengan perlahan dan amat hati-hati. Hujan turun dengan begitu lebat sehingga jarak penglihatan begitu terhad. Dia lalu menyalakan lampu kecemasan, berkelip-kelip sambil bergerak dengan amat hati-hati. Kereta-kereta di hadapan juga menyalakan lampu kecemasan dan sepertinya bergerak dengan hati-hati. Hujan begitu lebat dan angin juga kuat. Tetapi syukur, melepasi pekan Setiawan hujan mula tidak lebat lagi. Jarak penglihatan mula jelas. Semakin lama hujan semakin reda, tetapi masih renyai. Dia menelefon Mat, bertanyakan arah jalan. Mat menerangkan laluan dan harus ke hadapan lagi. Masih jauh kata Mat. Mat berjanji akan menunggu di persimpangan ke kampungnya. Dia memandu tenang. Jalan raya basah oleh hujan yang masih renyai. Tidak banyak kereta di jalan ini. Sesekali berselisih. Dia meninjau melalui cermin belakang. Tidak ada kereta.

Sunyi jalan ke kampung Mat. Sekarang sudah tidak ada kereta langsung, baik di belakangnya mahupun yang berselisih dengannya. Seperti hanya keretanya sahaja yang menggunakan jalan itu. Jalan raya berturap elok. Dia disinggah rasa aneh mengapa tidak ada kereta di jalan ini. Mungkin waktu yang sudah agak petang membuatkan tidak ada lagi orang memandu di jalan ini. Memang jalan ini sudah jauh dari pekan. Hanya ladang kelapa sawit di kiri kanannya. Di Malaysia, hampir di setiap tempat di pedalaman dipenuhi dengan ladang kelapa sawit, malah hutan semua sudah bertukar menjadi ladang kelapa sawit. Kelapa sawit di mana-mana sekarang ini. Mungkin pada masa akan datang hutan-hutan hujan khatulistiwa ini akan semuanya digantikan dengan hutan kelapa sawit. Tetapi apa yang dapat dilakukan, kelapa sawit itulah komoditi utama Malaysia setelah getah semakin tidak diperlukan oleh pasaran dunia. Sawit mungkin komoditi kedua selepas minyak. Dia tidak berapa pasti tentang itu. Fikirannya hanya menerawang liar memandu di jalan sunyi yang dingin oleh hujan dan redup oleh pohon kelapa sawit di kiri kanannya. Jalan ini terasa amat panjang. Mungkin kerana kesunyian yang aneh ini.

Tiba-tiba kedengaran bunyi kuat, amat kuat berdentum di atas bumbung keretanya. Sesuatu yang berat seperti jatuh dari ketinggian yang tinggi di atas bumbung keretanya. Dia tersentak lalu membrek tiba-tiba, begitu terkejut dan hampir hilang kawalan. Mujur dia dapat mengawal keterkejutannya dan segera mengawal kembali keretanya. Dia memberi isyarat, lalu memandu ke tepi jalan untuk berhenti. Sesuatu yang jatuh di atas bumbung keretanya tadi seperti berdebut melayang jatuh ke tanah. Dia memberhentikan kereta. Dia begitu terkejut. Wajahnya pucat tidak berdarah. Panik. Dia tidak tahu ingin keluar memeriksa atau tidak. Dia memandang cermin pemandu. Meninjau melihat apakah yang jatuh dengan berat di atas keretanya. Dia memandang siling keretanya. Seperti ada kesan kemek. Memang sesuatu yang berat jatuh terhempas di atas bumbung keretanya. Tandan kelapa sawit? Dia melihat kiri kanan ke arah pokok kelapa sawit. Pokok itu jauh dan tidak mungkin melemparkan tandan buahnya yang berat itu ke atas bumbung keretanya. Lagipun tidak mungkin tandannya jatuh tanpa dikait. Dia melihat ke sekeliling. Tidak ada pun pekerja ladang yang memotong tandan kelapa sawit, malah seorang manusia pun tiada kelihatan. Siapa pula yang bekerja menjolok kelapa sawit pada

waktu senja begini. Mungkin dahan pokok yang jatuh? Tidak mungkin juga, kerana tidak ada pokok lain di tepi jalan selain pokok kelapa sawit. Dia melihat jalan agak lebar dan pokok-pokok jauh dari jalan dan tidak mungkin dahan atau apa-apa dari pokok-pokok itu akan jatuh di tengah jalan.

Hatinya agak berdebar. Dia masih meninjau melalui cermin pemandu. Tetapi pandangan agak terhad dari cermin yang kecil itu. Suasana sunyi. Tidak ada kereta yang lalu. Akhirnya dia nekad turun untuk memeriksa. Hatinya berdebar-debar. Kesan terkejut dan panik masih meruapkan darahnya. Dia cuba bertenang dan keluar perlahan-lahan dari keretanya. Cuaca dingin oleh basahan hujan yang kini telah reda. Renyai dan gerimis hujan juga sudah hilang. Udara begitu segar. Segera darah gemuruhnya yang meruap tadi menjadi stabil. Dirinya jadi tenang. Dia memerhati sekeliling. Pada mulanya dia tidak melihat apa-apa. Tetapi apabila dia mula berjalan ke tempat keretanya ditimpa sesuatu tadi, dia melihat sesuatu di tepi parit yang memisahkan jalan dengan pagar ladang kelapa sawit itu. Ia hanya parit cetek yang berumput dan kering tidak berair. Ada sesuatu di situ, yang mulanya kaku tetapi kemudian sedikit bergerak. Hatinya kembali berdebar. Dia mula memikirkan untuk lari ke keretanya. Tetapi perasaan ingin tahu menolaknya untuk pergi dan melihat apakah benda yang kini bergerak semakin kuat itu. Dia semakin menghampiri. Semakin hampir dan benda itu seperti bergerak ingin keluar dari parit itu. Dan dia benar-benar terkejut!

Ya Tuhan! Kakinya seperti dipaku ke bumi. Tubuhnya kaku kejang. Hanya matanya melotot memandang tidak berkelip benda yang kini bersusah payah ingin keluar dari parit cetek itu. Benda inilah yang jatuh di atas bumbung keretanya dan melambung jatuh ke parit cetek berumput tebal itu. Dia terpaku dengan debar yang entah debar. Benda itu sekarang betul-betul di hadapannya. Bibirnya benar-benar kaku. Kakinya benar-benar kaku. Tubuhnya benar-benar kaku. Seorang perempuan yang jelita berdiri di hadapannya, seperti meminta dikasihani. Wajahnya putih bersih, dengan raut yang sempurna kejelitaannya. Tubuhnya sederhana, lampai tetapi tidaklah begitu tinggi. Perempuan itu agak sukar untuk memanjat parit yang cetek itu. Parit itu cetek sahaja. Dia teragak-agak ingin menghulurkan tangan atau tidak untuk menarik perempuan itu naik. Perempuan itu tanpa meminta pertolongan cuba melangkah naik dari parit yang cetek. Seperti mencair daripada ais, dia mendorong ke hadapan dan menghulur tangan kepada perempuan itu. Kebetulan licin rumput menarik kakinya, perempuan itu segera menyambut tangan. Ya, tangan yang begitu lembut menyentuh tangannya. Ia segera mencair darahnya yang beku tadi dan membuatnya kembali bernyawa.

Seorang perempuan yang jatuh dari langit, kini berada di sebelahnya dan dia sedang memandu menuju ke kampung sahabatnya Mat. Dia tidak tahu apa yang dia fikirkan. Segalanya berserabut. Pertamanya dia membawa seorang perempuan yang tidak dikenali ke kampung kawannya. Dan tentunya dia bermalam di chalet Mat, di kampung Mat. Dan tentunya perempuan ini juga akan turut bermalam di situ. Dia tidak mungkin tidur sebilik dengan perempuan ini. Perempuan ini tentu boleh sahaja menginap di kamar lain. Tetapi apa pula kata Mat, dan lebih parah lagi apa pula kata orang kampung jika perempuan ini tidak menginap di bilik bersamanya. Tentunya mereka tahu perempuan ini bukan isterinya. Apa yang ingin diberitahunya kepada Mat. Chalet ini bukannya chalet di Krabi atau di Phuket yang bebas untuk sesiapa duduk bersama atau bagaimanapun. Ini chalet kampung, dan satu-satunya chalet yang ada di kampung itu. Chalet ini tidak didatangi pengunjung luar atau pelancong. Ia hanyalah chalet kampung di tepi kuala, yang menjadi tempat persinggahan pemancing di sekitar kawasan ini sahaja. Selain itu pelajar-pelajar sekolah di sekitar kawasan ini, dan sesekali pelajar universiti yang berbangkit dan berkhemah. Itu maklumat yang dia dapat daripada Mat. Dia

bingung. Tidak. Dia keliru sebenarnya. Dan perempuan di sebelahnya sekarang ini tidur pula seperti tidak ada apa-apa yang berlaku. Dan menyerah mengikut ke mana sahaja dia pergi. Tidak mungkin pula baginya untuk menurunkan perempuan ini. Hanya hutan kelapa sawit dengan hari yang semakin gelap. Tidak ada penempatan manusia di sini. Satu-satunya kampung yang ada ialah kampung Mat. Mat baharu menelefon dan mengatakan sedang menunggu di tepi jalan di simpang jalan ke kampungnya.

Dia buntu. Dia memandu dengan fikiran buntu. Melepasi selekoh di kejauhan dia nampak seorang lelaki berdiri berhampiran kereta putih. Ya itu Mat. Tentu itu Mat. Telahannya tepat. Jelas wajah Mat yang tersengih melihatnya. Mat memberi isyarat untuk mengikutinya. Dia menunggu kereta putih Mat bergerak dan membontoti kereta Mat. Agak jauh juga untuk tiba di kampung Mat di tepi kuala sungai yang besar itu. Chalet Mat terletak betul-betul di tepi kuala. Hari sudah hampir menjamah senja. Akhirnya dia meletakkan keretanya di samping kereta Mat yang berhenti di hadapan bangunan chalet yang dibina sebaris begitu sahaja. Dia menjeling perempuan di sebelahnya yang mula membuka mata. Tetapi masih diam tidak berkata apa-apa. Dia tidak tahu untuk mengucapkan apa. Lidahnya juga kelu. Lalu dia keluar menemui Mat.

“Tak bawa anak sekali.” Mat menyambut salamnya erat dan memeluknya.

“Anak di asrama.” Dia tidak tahu apakah jawapannya itu betul atau tidak.

“Isteri aku ada di kampung ibunya. Tak apa lah kau bawa isteri kau masuk dulu. Nanti aku minta budak hantarkan makanan. Sini dah tak ada kedai makan kalau sudah malam. Kau nak makan apa?”

“Apa-apalah.” Dia benar-benar lega dengan situasi itu. Situasi isteri Mat tiada pada hari ini. Jikalau tidak tentunya dia harus membawa perempuan ini bertemu isteri Mat.

“Kau rehat dulu. Aku kena pergi masak di kantin. Aku juga buat *catering*. Esok ada tempahan jamuan. Nanti habis masak aku datang kita sembang.” Mat agak sibuk rupanya. “Ohh. Ini kuncinya. Kau masuk rehat dulu, isteri kau pun penat tu. Nanti budak restoran aku hantarkan makanan.”

Dia mengambil kunci seperti orang kebingungan.

“Oh aku lupa, bilik satu katil dah penuh. Tinggal bilik dua katil. Kau pun tak beritahu datang dengan isteri. Aku ingat kau datang seorang.” Satu lagi situasi *dues ex machina* datang kepadanya.

Mat bersalam dan kemudian pergi.

Dia termangu. Dia membuka bonet kereta dan mengambil beg bajunya. Perempuan itu keluar dari kereta dan mengikutinya tanpa soal.

“Tak ada beg baju?” Dia bertanya kebodoh-bodohan.

Perempuan itu hanya menggeleng.

Malam itu Mat menelefon tidak dapat datang kerana urusan kerjanya belum selesai. Mat berjanji akan berjumpa esok pagi. Makanan yang begitu enak masakannya telah dihantar oleh pekerja Mat. Perempuan itu juga makan tanpa banyak soal. Mujur dia membawa beberapa helai kemeja dan baju T. Juga seluar trek dan seluar panjang. Dia membahagikan pakaiannya dengan perempuan itu. Dia mandi dan kemudian keluar ke masjid. Fikirannya kosong dan bingung. Dia tidak boleh berdua dengan perempuan ini. Tetapi bilik chalet yang lain telah penuh ditempah. Ada yang sudah berpenghuni dan ada yang belum menunggu kedatangan para pemancing. Para pemancing ada yang datang bersama keluarga, kerana besok hari cuti.

Ketika dia pulang dari masjid, perempuan itu sudah tidur. Dia yang keletihan juga segera merebahkan badannya di katil berasingan. Dia membiarkan lampu terbuka terang seterang-terangnya.

Masa berlaku dengan *dues ex machina* yang terus menjadikan kehadiran perempuan itu tidak menimbulkan apa-apa prasangka dan syak kepada penghuni chalet ataupun penduduk kampung, termasuk Mat. Chalet ini walaupun dekat dengan pangkalan nelayan, tetapi agak sunyi dan terasing daripada manusia. Ini satu lagi *dues ex machina*. Pagi esok dia membeli sarapan untuk perempuan itu dan meletakkannya di atas meja. Perempuan itu masih tidur. Kemudian dia keluar menemui Mat. Mat membawanya menaiki bot untuk menahan bubu bagi mendapatkan udang.

Dia pulang ketika waktu hampir mencecah awal tengah hari. Dia duduk berbual dengan Mat, dan kemudian menjamah makan tengah hari bersama Mat. Dia hanya mengatakan 'isterinya' memberikannya luang masa untuk bersama Mat. Jadi dia akan membawa makanan kepada perempuan itu, tanpa perlu perempuan itu keluar untuk makan di sini. Mat rancak berbual tentang kisah lama mereka, dan kisah perempuan itu hilang daripada fikiran Mat. Ketika dia pulang membawa makanan tengah hari, chaletnya telah dikemas rapi dan disembur pewangi yang harum. Perempuan itu sudah siap berkemas dan bertukar pakaian memakai kemeja dan seluar panjangnya.

Begitulah. Dua malam dia tidur sekamar dengan perempuan tanpa apa-apa yang terjadi, dengan lampu yang sentiasa terbuka terang benderang. Dia menghabiskan masa bersama Mat dan perempuan itu menyendiri di kamar chalet. Dia memastikan makanan untuk perempuan itu sentiasa tersedia pada waktu makan. Selebihnya dia bersama Mat. Ketika dia pulang, perempuan itu sudah tidur berselimut litup. Bilik semua rapi dan kemas, dengan bau yang harum. Dia suka bau-bau yang harum dan wangi, serta bilik dikemas rapi. Dan untuk itu dia mula menyenangi perempuan itu. Masa seperti yang dikatakannya sebelum ini seperti boleh ditarik dan dirapatkan. Pagi ini dia akan bertolak pulang. Mat meminta berbanyak maaf kerana isterinya hanya akan pulang besok. Mat terkilan kerana isterinya tidak dapat menemani perempuan itu. Mat bersungguh-sungguh memintanya datang lagi membawa isteri dan anak-anaknya. Tidak mungkin itu berlaku.

Dia memandu pulang setelah menghulurkan wang untuk hadiah kepada anak-anak Mat. Mat keras menolak. Tetapi dia membantah keras dan memasukkannya dengan paksa ke dalam poket Mat. Mat sudah berkali menolak apa-apa daripadanya termasuk sewa chalet selama dua malam itu. Tetapi dia membayarnya senyap-senyap tanpa pengetahuan Mat kepada pekerja kaunter chalet Mat.

Setelah itu dia memandu pulang dengan perempuan itu diam di sebelahnya seperti mula-mula datang lagi. Perempuan itu sudah memakai kembali pakaiannya yang asal. Pakaiannya sudah dibasuh dan dikemaskan dengan rapi oleh perempuan itu di dalam beg bajunya. Dia mengingati jalan keluar dari kampung Mat, dan kemudian memasuki jalan besar untuknya menghala pulang melalui jalan yang dilaluinya ketika datang dahulu. Dia memandu di jalan besar. Sampai di satu jalan yang agak sibuk, dia membelok dan memberhentikan keretanya di tepi tempat menunggu bas. Ada beberapa orang remaja di situ sedang menunggu bas. Dia diam di tempat memandu. Perempuan itu tanpa mengucapkan apa-apa turun dari keretanya, menuju ke tempat menunggu bas. Dia diam memerhati sebentar perempuan itu, kemudian bergerak pergi. Sehingga hari pertama dia bertemu perempuan itu, tidak ada sepetah pun perkataan yang keluar dari mulut perempuan itu. Mereka tidak pernah bercakap.

Begitulah. Dahulu ketika dia menghadiri kursus di pantai timur, seorang perempuan keluar dari laut lalu menahan keretanya dan mengikutinya. Selepas itu ketika dia menghadiri mesyuarat di negeri di bawah bayu, seorang perempuan keluar melayang terbang dari gunung dan jatuh di hadapannya ketika dia sedang membaca buku di balkoni resort lima bintang. Selepas itu lagi ketika dia bercuti berseorangan di pulau peranginan di negara jiran, seorang perempuan muncul menunggang penyus besar dari laut lalu datang kepadanya yang sedang berbaring di pantai.

Dia memandu pulang sambil memikir-mikir bengkel mana yang harus ditujunya untuk mengetuk bumbung keretanya yang kemek.

**Biodata Penulis:**

**S.M. Zakir**

Penulis merupakan penerima Hadiah SEA Write 2011. Nama sebenarnya Syed Mohd Zakir Syed Othman al-Yahya. Menulis dalam hampir semua genre kesusasteraan namun lebih aktif dalam cerpen. Dua kumpulan cerpennya *Merengkuh Langit* (1995) dan *Serigala dan Sekuntum Tulip* (2011) pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia.